

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL**  
**KAWASAN : SUNGAI PETANI**  
**NO. SOALAN : 393**

**YB DATO' JOHARI BIN ABDUL** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan yakin Proton Holdings Bhd. (PROTON) dapat bersaing di pasaran tempatan dan luar negara bila TPPA dilaksanakan nanti. Apakah persediaan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan industri ini tidak gagal. Dan berapakah suntikan dana Kerajaan dalam persiapan ini.

**Jawapan**

Tuan Yang Di Pertua,

Keanggotaan Malaysia di dalam mana-mana rundingan perdagangan bebas (*Free Trade Agreement - FTA*) termasuk TPPA adalah bertujuan memperluaskan akses barang Malaysia di pasaran negara-negara rakan FTA berkenaan.

TPPA misalnya akan menyediakan akses pasaran kepada hampir 800 juta penduduk. Pasaran ini adalah 26 kali ganda lebih besar daripada pasaran tempatan yang hanya mempunyai 30 juta penduduk. Dalam menghadapi situasi ekonomi global yang mencabar, TPPA dilihat secara langsung akan membuka peluang pasaran yang lebih meluas kepada

industri automotif negara untuk meningkatkan eksport kenderaan dan komponen.

Tuan Yang Di Pertua,

Persoalan sama ada PROTON dapat terus bersaing dalam industri automotif apabila TPPA dilaksanakan kelak bergantung kepada keupayaan PROTON sendiri untuk merebut peluang ini dengan meningkatkan lagi daya saing mereka dan menerokai potensi pasaran eksport terutama di kalangan negara-negara anggota TPPA yang belum mempunyai hubungan FTA dengan Malaysia seperti Amerika Syarikat, Kanada, Peru dan Mexico.

Menerusi pelaksanaan TPPA, Malaysia berpotensi untuk menarik pelaburan baharu dari syarikat pengeluar kenderaan di Amerika Syarikat yang berminat untuk menjadikan negara ini sebagai hab pengeluaran kenderaan pemanduan sebelah kanan (*Right Hand Drive - RHD*) bagi kenderaan bertenaga efisien (EEV) termasuk kenderaan elektrik dan hibrid untuk dieksport ke pasaran ASEAN, dan negara-negara ahli TPPA lain seperti Jepun.

Selain itu, di bawah TPPA, buat pertama kalinya, Amerika Syarikat dan Kanada turut bersetuju untuk membantu syarikat-syarikat automotif tempatan untuk membina dan meningkatkan daya saing mereka melalui program kerjasama teknikal dalam bidang automotif yang mempunyai kepentingan bersama.